

TEKS UCAPAN ALUAN

Y. Bhg. Prof. Dr. Mohd. Ridzuan bin Nordin

PNC (PPF) UTeM mewakili Naib Canselor

**KARNIVAL KEMUKJUZARAN AL-QURAN PERINGKAT
KEBANGSAAN 2017**

6 Mei 2017 (Sabtu), 11.00 pagi, Dewan Besar UTeM

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih kepada Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Wira Haji Md Yunos bin Husain

Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi, Teknologi Hijau Dan Inovasi mewakili Y.A.B Datuk Seri Utama Ketua Menteri Melaka.

Yang Berbahagia Puan Hjh Zawanah binti Mohamad

Pengarah Bahagian Perhubungan Insan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, JAKIM, MAIM, Rakan Media, hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia, Salam 1UTeM

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya, dapatlah kita berhimpun pada pagi ini di Dewan Besar UTeM bagi menyempurnakan Karnival Kemukjizatan Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2017. Semoga dengan keberkatan majlis pada pagi ini, kita akan dianugerahkan oleh Allah S.W.T. limpahan rahmat serta kesejahteraan di dunia dan akhirat.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk Wira Exco dan Yang Berbahagia Pengarah Bahagian Perhubungan Insan JAKIM ke majlis yang julung kalinya dianjurkan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka ini, walaupun dalam kesibukan serta ruang masa yang terhad, namun tetap sudi hadir bersama-sama dalam majlis pada pagi ini.
3. Saya juga ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga di atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan yang telah dapat meluangkan masa untuk hadir bersama. Kehadiran tuan dan puan pada pagi ini menunjukkan kesedaran kita dalam mengagungkan Kalamullah, Kitab Suci Al-Quran sebagai sanjungan dan perlembagaan kehidupan kita yang sementara ini, sesuai dengan firman Allah S.W.T. menerusi Surah Al-Hasyr Ayat 21 yang bermaksud:

“Sekiranya kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takutkan Allah. Dan kami kemukakan kepada manusia perbandingan-perbandingan (amsal) supaya mereka memikirkan”

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

4. Sejarah telah membuktikan bahawasanya al-Quran adalah satu-satunya kitab yang luar biasa pengisiannya. Ia adalah satu-satunya mukjizat yang diturunkan ke atas Nabi Muhammad s.a.w yang kekal berada di tangan kita pada hari ini. Di saat keterbatasan manusia mencari dan menggali teori ilmu sains, teknologi, perubatan, kejuruteraan dan pelbagai ilmu keduniaan, al-Quran telah membicarakan secara meluas tentang asas-asas teori ilmu berkenaan dengan begitu terperinci melalui pelbagai ayat sebagai membuktikan kemukjizatnya. Itulah kehebatan

dan keagungan Allah S.W.T yang Maha Mengetahui apa yang diperlukan dan dihajati oleh manusia.

5. Justeru itu, bagi memberikan pencerahan berkenaan kemukjizatan al-Quran dari pelbagai sudut teori ilmu, Pusat Islam dan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan UTeM dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Jawatankuasa Hal Ehwal Islam IPT Malaysia (JAHEIS) telah bergabung idea dan tenaga dengan menganjurkan Karnival Kemukjizatan al-Quran peringkat Kebangsaan bagi tahun 2017.
6. Penganjuran karnival ini sangat relevan di era ini memandangkan penggalan ilmu-ilmu duniawi moden yang digali dari sumber al-Quran kurang didedahkan kepada masyarakat umum.

7. Bagi memastikan penganjuran karnival ini mencapai hasrat dan objektifnya, pelbagai program telah diaturkan, antaranya ialah konvensyen ilmiah yang mengupas berkenaan kemukjizatan al-Quran melalui ilmu Sains dan Teknologi, Linguistik, Pengurusan dan Pentadbiran serta Undang-undang Syariah dalam al-Quran, selain pengisian aktiviti yang menjurus kepada elemen kesenian menerusi slot Glorious Night yang akan diadakan pada malam ini seperti pertandingan nasyid, persembahan deklamasi sajak, teater, qasidah dan lain-lain pengisian dan pameran sepanjang karnival ini berlangsung dari hari ini sehingga esok hari.
8. UTeM yakin menerusi pengisian program yang begitu bermanfaat ini mampu merealisasikan pembudayaan ilmu duniawi dan ukhrawi selaras dengan petunjuk menerusi payungan wahyu al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W. yang bertepatan dengan tema karnival ini iaitu Memartabatkan Ilmu, Membumikan Titah Wahyu.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan karnival yang mulia ini. Insya Allah, UTeM sentiasa mengalu-alukan dan akan berkerjasama dalam penganjuran program seumpama ini di masa-masa akan datang. Semoga dengan pengajuran karnival seperti ini dapat melahirkan warga UTeM dan masyarakat yang seimbang dan mencapai kecemerlangan duniawi dan ukhrawi.

Tebang belukar ambilkan rotan,
Rotan diikat dengan erat,
Bersama kita memahami Al-qur'an,
Agar sejahtera dunia dan akhirat,

Sekian, *wabilahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi taala wabarakatuh.*